



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

---

### MESYUARAT MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN BERSAMA EXCO-EXCO PERTANIAN NEGERI BILANGAN 1 TAHUN 2026

---

**KUALA LUMPUR, 30 JANUARI 2026** – YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mempengerusikan Mesyuarat Bersama EXCO-EXCO Pertanian Negeri semalam bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam memacu agenda keterjaminan makanan negara. Sesi ini dihadiri oleh YB EXCO-EXCO Pertanian Negeri, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), serta wakil daripada kementerian-kementerian berkaitan dan pengurusan tertinggi KPKM.

#### **Memperkukuh Tadbir Urus dan Penyelarasan Strategik**

Mesyuarat ini berfungsi sebagai platform perbincangan antara Kementerian dengan UPEN mengenai isu-isu yang melibatkan Kerajaan Negeri. Antara objektif utama yang ditekankan termasuklah:

- **Penyelarasan Dasar:** Membantu mengenal pasti masalah dan isu pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara.
- **Pemantauan Tindakan:** Memantau status tindakan dan keputusan yang telah dibuat dalam mesyuarat-mesyuarat terdahulu bagi memastikan kesinambungan projek di peringkat lapangan.
- **Penyelarasan Projek:** Menjadi forum untuk menyelaraskan pelaksanaan projek pembangunan yang melibatkan pelbagai jabatan dan agensi di peringkat daerah dan negeri.
- **Integrasi Maklumat:** Membantu menggalakkan penyatuan sistem maklumat melalui pusat maklumat setempat dan *Agrolink* untuk penyelarasan program pertanian yang lebih cekap.

#### **Fokus Utama Perbincangan**

Fokus utama perbincangan tertumpu kepada usaha memperkasakan tadbir urus pelaksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bagi memastikan projek agromakanan diurus secara lebih sistematik dan berkesan. Selain itu, perhatian khusus diberikan kepada:

- **Kawalan Penyakit Haiwan:** Cadangan pewujudan identifikasi nasional untuk keselamatan ternakan.
- **Optimasi Penggunaan Tanah:** Melalui Program Pemerkasaan Agromakanan Negara (PPAN) 2026–2030.
- **Teknologi Tinggi dan 4IR:** Penerapan teknologi dron dan elemen 4IR bagi meningkatkan produktiviti sektor padi negara serta pemuliharaan ekosistem perikanan.

### **Menangani Isu Industri dan Tatakelola**

Sebagai langkah proaktif, mesyuarat turut membincangkan isu-isu lapangan yang dibangkitkan oleh pihak industri dalam Sesi Libat Urus (SLU) pada 27 Januari lalu. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) digesa untuk memudah cara proses berkaitan Kebenaran Merancang dan Tempoh Pendudukan Sementara (TOL) melibatkan projek akuakultur agar ia dapat ditangani secara pragmatik.

Langkah bersepadu ini mencerminkan komitmen jalinan kerjasama Persekutuan dan Negeri dalam melakukan transformasi sektor agromakanan yang lebih moden dan inklusif. Pendekatan holistik ini bukan sahaja bertujuan menjamin kemampanan rantai bekalan makanan, malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

